

### Beritahulah kami mengenai anda!

Nama (akhir, pertama, tengah) atau Nama Syarikat

Pemohon Bersama (akhir, pertama, tengah) *(Tidak diwajibkan)*

Alamat Surat-menyurat

Poskod

E-mel

No. K. P. Baru/No. Paspot Pemohon

No. K.P. Baru/No. Pasport Pemohon Bersama

No. Rujukan Cukai Pendapatan

No. Daftar Perniagaan atau Syarikat

Telefon Siang

Telefon Petang

Telefon Bimbit

### Maklumat Penaja Anda

Nama (akhir, pertama, tengah)

Nombor Pengekar

### Maklumat Penempatan Anda

Nama orang yang mana Pemohon akan ditempatkan di bawah (akhir, pertama, tengah)

Nombor Pengekar

Pusat Perniagaan

PERTALIAN  
Pilih Satu Sahaja

### Langkah Permulaan / Pesanan Pertama Anda

**Kit Permulaan** RM99.00 (Setiap Pengekar mesti membeli satu Kit Permulaan) Pilihan Bahasa (Pilih Satu Sahaja):  Inggeris  Bahasa Malaysia

**Mengaktifkan 1 Pusat Perniagaan**  **Mengaktifkan 3 Pusat-pusat Perniagaan**

No Butiran	Kuantiti	Nama Produk	SV	Harga (RM)

Untuk pesanan yang pertama, adakah anda ingin:

- Mengutipkan pesanan di pejabat Petaling Jaya  
 Pesanan dihantarkan kepada kamu (maklumat harga kiriman di belakang)

#### Jumlah

RM
RM
RM
Jumlah Pesanan
RM
Kiriman
RM
<b>Jumlah Besar</b>

### Jimatkan 10% dengan Autoship—Langganan Anda untuk Kesihatan

Sila daftarkan saya ke dalam Program Autoship. Saya faham bahawa saya akan menerima pesanan saya yang ditetapkan setiap 4 minggu selepas pesanan permulaan saya.

Memarapi Di Sini: \_\_\_\_\_

No. Butiran	Kuantiti	Nama Produk	SV	Harga (RM)

Untuk pesanan anda yang seterusnya empat minggu dari sekarang, adakah anda ingin:

- Mengutipkan pesanan-pesanan di pejabat Petaling Jaya  
 Pesanan-pesanan dihantarkan kepada anda (maklumat harga kiriman di belakang)

#### Jumlah

RM
Jumlah Autoship
RM
Kiriman
RM
<b>Jumlah Besar</b>

### Bagaimanakah anda hendak membuat bayaran?

Pilih satu kaedah pembayaran untuk pesanan. Butir-butir akaun akan disimpan di dalam fail untuk pesanan-pesanan di masa hadapan nanti.

Pembayaran Biasa  Debit Terus  VISA  MasterCard  
(Sila kemukakan Borang Kebenaran Debit Terus)

Nombor Kad

Nama Pemegang Kad

### Di manakah anda mahu komisen anda dimasukkan?

Sila beritahu kami nombor akaun bank anda supaya kami boleh membayarkan komisen kepada anda. Akaun ini mesti telah dibukakan di atas nama pemohon utama.

Nama Anda (asebagaimana ia dipaparkan di dalam akaun bank anda)

Nama Bank

Cawangan Bank

Kod Bank

No. Akaun

### Tandatangan

Dengan menandatangani di bawah, saya dengan ini mengakui bahawa saya telah membaca dan bersetuju terhadap terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di muka hadapan dan belakang perjanjian ini.

Tandatangan Pemohon

Tarikh

Tandatangan Pemohon Bersama

Tarikh

## CAJ-CAJ PENGHANTARAN

Untuk pesanan yang berjumlah RM 1,000 dan kebawah, USANA mengenakan bayaran RM 10.00 untuk setiap penghantaran. Untuk pesanan yang jumlah melebihi RM 1,000, penghantaran akan di buat secara percuma.

## PERJANJIAN PENGEDAR

Perjanjian di antara Pemohon tersebut (selepas ini dirujuk sebagai “PEMOHON”) dan UHS Essential Health (Malaysia) Sdn. Bhd. (selepas ini dirujuk sebagai “UHS”) berkuatkuasa menurut terma-terma dan syarat-syarat di bawah:

- PEMOHON dengan ini memohon untuk diberi kuasa sebagai seorang Pengedar dalam Program Pemasaran Berbilang Tingkat untuk UHS. Untuk jangka masa 21 hari selepas pengiriman Permohonan ini, atau sehingga masa UHS memaklumkan PEMOHON mengenai penerimaan atau penolakan Permohonan ini, PEMOHON adalah diberikuasa secara sementara untuk menjadi seorang Pengedar dan diberi hak untuk menjual produk-produk UHS. UHS berhak untuk menerima atau menolak sebarang permohonan dengan sebarang alasan, menurut terma-terma dan syarat-syarat yang ternyata di dalam Polisi-polisi dan Prosedur-prosedur UHS, seperti yang sedia ada atau yang dipinda selepas ini
- Selepas diterima sebagai seorang Pengedar oleh UHS, PEMOHON adalah diberikuasa sebagai seorang Pengedar selama satu tahun kalender. UHS akan membatalkan secara automatik keahlian tahunan Pengedar dengan mendebit akaun Pengedar yang terdapat di dalam fail dengan jumlah RM75, kecuali jika Pengedar memberitahu UHS secara bertulis sebelum tarikh ulangtahun, bahawa beliau ingin membatalkan Taraf Keahlian Pengedar tersebut.
- PEMOHON telah membaca dan bersetuju untuk diikat oleh terma-terma Perjanjian ini, Pelan Ganjaran Selular UHS serta Polisi-polisi dan Prosedur-prosedur, yang mana kesemuanya adalah termasuk di dalam ini secara rujuk dan untuk kesemua tujuan, adalah sebahagian daripada Perjanjian ini. UHS adalah berhak dan secara mutlak bebas untuk mengubah Pelan Ganjaran dan Polisi-polisi tersebut, dan Pemohon bersetuju untuk diikat oleh perubahan tersebut.
- PEMOHON merupakan seorang kontraktor berdikari menurut terma-terma Perjanjian ini, dan bukan seorang agen, pekerja atau wakil sah untuk penjual beliau atau UHS, dan tidak boleh dalam apa jua cara mengikat diri sendiri seperti yang tersebut. Oleh yang demikian, PEMOHON tidak berkuasa mengikat UHS terhadap sebarang kewajipan dan PEMOHON adalah bertanggungjawab terhadap kesemua pendapatan yang terlibat, lesen atau bayaran yang disebabkan oleh aktiviti-aktiviti PEMOHON di bawah ini.
- PEMOHON tidak dibenarkan untuk menghasilkan, mempromosikan atau menggunakan sebarang jenis material yang menggambarkan/menggunakan nama UHS, rancangan-rancangan, produk-produk dan cap perdagangan, serta hakcipta terpelihara UHS atau bahan kawalan yang lain, kecuali sepertimana yang dibenarkan menurut panduan polisi-polisi UHS.

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

Anda adalah seorang kontraktor berdikari dan bukan seorang pekerja UHS.

Anda tidak dibenarkan menjual, menyerahkan atau memindahkan Taraf Keahlian Pengedar anda kepada orang atau entiti lain tanpa kebenaran UHS secara bertulis.

Anda dikehendaki membayar yuran pembaharuan tahunan sebanyak RM75 untuk memelihara Keahlian Pengedar anda, dan mana anda diberi hak untuk menikmati penyumbangan faedah-faedah Pengedar. Anda dibenarkan menguruskan bayaran yuran pembaharuan tahunan tersebut secara pegeluaran automatik dari akaun semasa anda, melalui kad kredit, atau secara tunai.

Anda dikehendaki membayar segala cukai yang dikenakan ke atas sebarang pendapatan yang anda terima sebagai seorang Pengedar Berdikari, kecuali jika anda layak mencapai taraf pengecualian cukai pendapatan dari pihak berkuasa pencukaian negara anda.

Untuk membolehkan anda layak menerima komisen, anda dikehendaki (1) menjual kepada pelanggan-pelanggan atau pengguna-pengguna sekurang-kurangnya 70% daripada pesanan-pesanan produk anda; dan (2) memberi kepada pelanggan-pelanggan runcit anda suatu resit runcit rasmi UHS yang memberi keterangan seperti tarikh jualan, jumlah jualan, butir-butir belian dan Jaminan Kepuasan UHS. Anda dikehendaki menyimpan segala resit jualan selama dua tahun.

Nama-nama produk khusus UHS serta nama dan logo korporat adalah milik eksklusif UHS. Anda tidak dibenarkan untuk menggunakan nama-nama produk UHS, nama korporat atau logo untuk memajukan perniagaan persendirian anda.

UHS tidak membenarkan anda membeli jumlah produk yang tidak berpatutan hanya untuk tujuan melayakkan diri untuk menerima komisen-komisen, bonus-bonus atau kenaikan pangkat di dalam Pelan Ganjaran Selular. Anda hanya dibenarkan membeli produk berjumlah RM3,000.00 dengan harga borong, untuk setiap pesanan, kecuali jika anda boleh memberi alasan yang sewajarnya mengenai keperluan inventori yang lebih banyak.

Anda bebas mengambil bahagian dalam perniagaan pemasaran berbilang tingkat yang lain tetapi anda tidak dibenarkan menjual atau memajukan kepada Pengedar-Pengedar UHS yang lain, produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan serupa atau pesaing atau peluang pemasaran berbilang tingkat yang lain.

Laporan Genealogi Barisan Bawah Rangkaian UHS adalah sulit dan adalah rahsia hakmilik dagangan. Anda tidak dibenarkan untuk menggunakan laporan-laporan tersebut untuk sebarang

## PERMOHONAN DAN PERJANJIAN PENAJA ANTARABANGSA

PERJANJIAN di antara PEMOHON yang tersebut di atas dan UHS Essential Health (Malaysia) Sdn. Bhd. (selepas ini dirujuk sebagai “UHS”) berkuatkuasa menurut terma-terma dan syarat-syarat di bawah :

- Saya memperakui bahawa saya adalah seorang penduduk Malaysia yang sah dan adalah berhak untuk memasuki perjanjian di dalam bidangkuasa tempat tinggal saya.
- Saya memahami bahawa saya diberikuasa sebagai seorang Penaja Antarabangsa dan telah diberi hak untuk menjadi Pengedar-Pengedar dari Negara-negara yang telah diberikuasa apabila UHS menerima permohonan ini berserta dengan bayaran yang berpatutan.
- Hak saya untuk bertindak sebagai seorang Penaja Antarabangsa, atau menerima bonus-bonus, dalam negara yang telah dibenarkan boleh ditarik balik pada bila-bila masa jika UHS memutuskan bahawa saya telah melanggar terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Pengedar saya, dan/atau kehendak-kehendak Perjanjian ini. Jika UHS menarik balik hak-hak tajaan antarabangsa saya, saya akan melepaskan UHS dan pegawai-pegawainya, pengaruh-pengaruhnya, agen-agensya, penasihat-penasihatnya, dan pekerja-pekerjanya dari sebarang liabiliti ke atas apa-apa kerugian, perbelanjaan atau keretakan yang dialami oleh saya atau sesiapa yang bertindak bagi pihak saya, yang disebabkan oleh penarikan balik tersebut.
- Perjanjian ini adalah sah dengan syarat tiada pertikaian di antara saya dan UHS.
- Saya menerima tanggungjawab untuk mengendalikan perniagaan UHS saya secara berdikari, menurut undang-undang dalam negara yang telah dibenarkan. Dengan ini, saya melepaskan UHS dan mana-mana syarikat-syarikat yang bergabung dengan UHS, dan pegawai-pegawai, pengaruh-pengaruh, agen-agen, penasihat-penasihat, dan pekerja-pekerja dari segala liabiliti yang disebabkan oleh tindakan-tindakan saya atau kegagalan saya untuk bertindak. Saya juga mengenyepikan sebarang tuntutan atau akibat-akibat tindakan yang mungkin dituntut oleh saya atau agen-agen saya yang diberi kuasa berhubung dengan taraf saya sebagai seorang Pengedar UHS yang berdikari atau sebagai seorang Penaja Antarabangsa yang timbul disebabkan oleh tindakan-tindakan saya atau tertinggalnya sesuatu oleh saya. Saya bersetuju untuk membayar balik dan tidak merugikan UHS dan mana-mana syarikat-syarikat yang bergabung dengan UHS terhadap sebarang tuntutan, tindakan atau liabiliti yang dituntut oleh pihak-pihak ketiga yang mana timbul dari tindakan-tindakan saya, tertinggalnya sesuatu oleh saya atau gambaran yang saya berikan ketika membuat tajaan Pengedar atau ketika mengendalikan perniagaan UHS saya yang berdikari di dalam suatu negara yang telah dibenarkan.

- PEMOHON mempunyai tanggungjawab untuk menyelia dan melatih pengedar-pengedar yang mungkin ditajai oleh beliau sepertimana tercatat di dalam Polisi. PEMOHON akan menerangkan program-program UHS secara jujur dan menyeluruh ketika membuat penyampaian kepada orang lain. PEMOHON faham dan akan menjelaskan ketika membuat penyampaian, seperti berikut : UHS atau rancangan-rancangannya tidak memberi sebarang jaminan terhadap pendapatan; Pengedar tidak akan memperoleh sebarang pendapatan berdasarkan pada penajanan semata-mata; tiada satu pun produk tertentu yang dimanfaatkan untuk dibeli pada setiap peringkat; komisen adalah berdasarkan jumlah jualan produk; bahawa tidak terdapat kawasan-kawasan eksklusif untuk Pengedar-Pengedar di dalam program ini.
- PEMOHON bersetuju bahawa wang gantirugi hanya akan dibayar untuk jualan produk kepada pelanggan dan pengguna sepertimana yang didefinisikan di dalam Polisi-Polisi yang ternyata di dalam Pelan Ganjaran Selular untuk Syarikat ini.
- Sebarang jualan atau penyerahan hak Perjanjian ini atau pengesahan keahlian Pengedar mestilah diluluskan secara bertulis oleh UHS. Waris-waris kepentingan atau penerima hak mestilah mematuhi segala kehendak-kehendak rancangan ini.
- Penandatngani di bawah dengan ini mengakui bahawa dia adalah cukup umur di sisi undang-undang dan telah diberikuasa untuk mengikat PEMOHON terhadap setiap terma-terma yang ternyata di bawah ini dan terhadap terma-terma di dalam Polisi-polisi dan Prosedur-prosedur.
- Tempat dan bidangkuasa untuk tindakan undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau sebarang perselisihan faham atau tuntutan di antara pihak-pihak di bawah ini adalah di dalam Negeri Utah. Perjanjian ini adalah tertakluk kepada undang-undang Negeri Utah, kecuali jika undang-undang di dalam bidangkuasa anda secara nyata menuntun penggunaan undang-undangnya sendiri.
- Seorang Pengedar dibenarkan membatalkan Keahlian Pengedar beliau pada sebarang masa dan atas sebarang alasan dengan memberi notis kepada Syarikat tersebut. Jika seorang Pengedar memilih untuk membatalkan Keahlian Pengedar beliau, UHS akan membayar balik harga produk pesanan beliau dan/ atau Kit Permulaan mengikut panduan-panduannya.
- UHS memiliki hak untuk membatalkan Keahlian Pengedar atas sebab-sebab yang ternyata di dalam Polisi-sya.
- Untuk menjadi seorang Pengedar Berdikari, pembelian atau pelaburan adalah tidak diperlukan selain daripada pembelian satu Kit Permulaan, yang mana dijual mengikut kos syarikat. Pembelian Kit Permulaan adalah diwajibkan.

tujuan kecuali untuk memajukan perniagaan UHS anda. Secara khususnya, anda tidak dibenarkan untuk mendedahkan sebarang maklumat yang terkandung di dalam laporan-laporan tersebut kepada pihak ketiga atau menggunakan laporan-laporan tersebut untuk bersaing dengan UHS atau untuk merekrut atau meminta Pengedar-Pengedar lain atau Pelanggan-Pelanggan Terpilih untuk mengambil bahagian di dalam perniagaan pemasaran berbilang tingkat yang lain.

Kegagalan UHS untuk mempergunakan sebarang hak-hak seperti yang terkandung di dalam Perjanjian ini atau kegagalan untuk menegakan kepatuhan anda terhadap terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini serta Polisi-polisi dan Prosedur-prosedur tidak bermakna bahawa UHS telah mengenyepikan haknya untuk menuntut kepatuhan terhadap kesemua Polisi-polisi dan Prosedur-prosedur dan terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian tersebut. Penipuan hak terhadap sebarang terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini atau peruntukan di dalam Polisi-polisi dan Prosedur-prosedur mestilah secara bertulis dan ditandatangani oleh seorang pegawai berkuasa UHS.

Penipuan UHS bagi sebarang kemungkiran seseorang Pengedar tidak akan menjejaskan hak-hak UHS berkenaan dengan kemungkiran berikutnya atau hak-hak atau tanggungjawab-tanggungjawab Pengedar yang lain. Kelevatan atau tertinggalnya UHS untuk mempergunakan hak-haknya, yang mana mungkin timbul dari kemungkiran Pengedar tidak akan menjejaskan hak-hak Syarikat, berkenaan dengan kemungkiran tersebut atau sebarang kemungkiran berikutnya.

Anda mempunyai hak untuk membatalkan Perjanjian Pengedar anda pada bila-bila masa dan untuk sebarang alasan. Jika anda memilih untuk membatalkan Perjanjian Pengedar anda, anda cuma perlu memberitahu UHS secara bertulis. Jika anda memilih untuk membatalkan Perjanjian Pengedar anda dalam masa 30 hari dari tarikh pendaftaran keahlian anda, UHS akan mengembalikan 100 peratus harga Kit Permulaan anda dan kesemua pesanan produk permulaan, tidak termasuk kos penghantaran. Segala pemulangan yang lain untuk pengembalian atau penarikan akan dikendalikan menurut polisi UHS.

UHS berhak untuk membatalkan sebarang Keahlian Pengedar pada bila-bila masa jika anda Pengedar tersebut melanggar terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini atau peruntukan-peruntukan Polisi-polisi dan Prosedur-prosedur dan Pelan Ganjaran Selular tersebut.

UHS berhak mengubah atau meminda Panduan-Panduan dan Aturan-Aturan serta Pelan Kompensasi Selular tersebut.

6. Saya tidak akan secara langsung atau menerusi pihak ketiga, mengimport / mengeksport, sebarang produk UHS ke sesuatu negara, di mana produk tersebut masih belum diluluskan untuk jualan oleh UHS.

7. Saya bersetuju untuk mengkaji dan mematuhi segala undang-undang, peraturan-peraturan dan kehendak-kehendak yang bersesuaian dalam negara-negara yang telah dibenarkan yang mana saya ingin menaja Pengedar-Pengedar dan menjalankan serta memajukan perniagaan saya. Saya tidak akan menaja Pengedar-Pengedar atau menjalankan atau mempromosikan perniagaan saya di dalam sesuatu negara yang telah dibenarkan sehingga saya telah mengkaji dan mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan kehendak-kehendak tersebut serta Prosedur-prosedur dan Polisi-polisi UHS untuk Negara tersebut.

8. Saya bersetuju untuk mematuhi terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Pengedar yang mana telah diperbadankan di sini secara rujuk, dan kehendak-kehendak Perjanjian ini yang mana mungkin dipinda dari masa ke masa semasa berhubung dengan pengurusan perniagaan saya di dalam sesuatu Negara yang telah dibenarkan.

9. Saya tidak boleh memindah atau menyerahkan sebarang hak yang telah diberikan menurut Perjanjian ini kepada sebarang orang atau entiti tanpa kebenaran secara bertulis daripada UHS. Saya dibenarkan mewakilkan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab saya sebagai seorang Penaja Antarabangsa kepada orang lain tetapi saya harus tetap bertanggungjawab terhadap kepatuhan terma-terma Perjanjian Pengedar dan kehendak-kehendak Perjanjian ini dan undang-undang yang berkenaan. Saya harus secara langsung dan senantiasa mengawasi sesiapa yang bekerja bersama dan untuk saya sebagai sebahagian daripada Keahlian Pengedar saya yang berdikari.

10. Perjanjian ini telah dimasukkan di Negeri Utah, A.S., dan ia adalah tertakluk dibawah perintah undang-undang Utah. Utah harus menjadi forum untuk penyelesaian sebarang pertikaian yang mungkin timbul di bawah perjanjian ini. Segala pertikaian dan tuntutan yang berkaitan dengan UHS, Perjanjian Pengedar dan Perjanjian ini harus diselesaikan secara arbitrase di Salt Lake City, Utah menurut Prosedur-prosedur dan Polisi-polisi UHS.

